



JABATAN PERTANIAN



TATACARA OPERASI PIAWAI

TOP 1.5.4/0009/BPIT/0001

**TATACARA OPERASI PIAWAI (TOP)
PERMOHONAN PENGETAHUAN DAN PENGEDARAN BAHAN TANAMAN,
JABATAN PERTANIAN MALAYSIA**

PERKARA	DILULUSKAN	DIDAFTARKAN
TANDATANGAN		
NAMA	DATO' ZAHIMI BIN HASSAN	MOHD NAZRI BIN ABU SEMAN
JAWATAN	KETUA PENGARAH PERTANIAN	PENGARAH BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK
TARIKH	25 OKTOBER 2022	25 OKTOBER 2022



BAHAGIAN PEMBANGUNAN INDUSTRI TANAMAN

JABATAN PERTANIAN	BAHAGIAN PEMBANGUNAN INDUSTRI TANAMAN	Bil Muka Surat	
		Tarikh Kuatkasa	
		Bil Pindaan	0
NO. PENDAFTARAN TOP: 1.5.4/0009/BPIT/0001	TATACARA OPERASI PIAWAI (TOP) PERMOHONAN PENGELOUARAN DAN PENGEDARAN BAHAN TANAMAN, JABATAN PERTANIAN MALAYSIA	Tarikh Akhir Kemaskini	-
PEMILIK TOP	SEKSYEN BUAH-BUAHAN		

Tatacara Operasi Piawai Bagi Permohonan Pengeluaran Dan Pengedaran Bahan Tanaman, Jabatan Pertanian Malaysia

REKOD PINDAAN

Adalah menjadi tanggungjawab pemilik TOP ini untuk memastikan dokumen ini sentiasa dikemaskini dengan memasukkan semua pindaan-pindaan yang dibuat di dalamnya.

BUTIRAN PINDAAN



BAHAGIAN PEMBANGUNAN INDUSTRI TANAMAN

Bil Muka Surat	
Tarikh Kuatkasa	
Bil Pindaan	0

NO. PENDAFTARAN
TOP :
1.5.4/0009/BPIT/0001

TATACARA OPERASI PIAWAI (TOP) PERMOHONAN PENGELOUARAN DAN PENGEDARAN BAHAN TANAMAN, JABATAN PERTANIAN MALAYSIA

Tarikh Akhir
Kemaskini

PEMILIK TOP

SEKSYEN BUAH-BUAHAN

Tatacara Operasi Piawai Bagi Permohonan Pengeluaran Dan Pengedaran Bahan Tanaman, Jabatan Pertanian Malaysia

1. Tujuan

TOP ini disediakan sebagai rujukan kepada semua Negeri/ Bahagian/ Seksyen/ Unit di Jabatan Pertanian bagi permohonan Pengeluaran dan Pengedaran Bahan Tanaman oleh peserta Projek Pembangunan Jabatan Pertanian, petani, usahawan, syarikat, jabatan/agensi, persatuan, institusi pengajian tinggi awam/swasta, komuniti dan orang perseorangan (individu).

2. Pengenalan

TOP Permohonan Pengeluaran dan Pengedaran Bahan Tanaman, Jabatan Pertanian Malaysia merupakan satu tatacara yang perlu dipatuhi oleh Unit/ Seksyen/ Bahagian/ Negeri dalam proses permohonan pengeluaran dan pengedaran bahan tanaman.

TOP ini digunakan bagi permohonan pengeluaran dan pengedaran bahan tanaman seperti anak pokok, pokok penanti, mata tunas dan biji benih, debunga, keratan dan seumpamanya yang dikategorikan sebagai bahan tanaman di Bahagian Pembangunan Industri Tanaman.

3. Skop

TOP ini digunakan oleh semua pegawai di Jabatan Pertanian dalam proses permohonan pengeluaran dan pengedaran bahan tanaman.

4. Definisi

4.1 Pemohon

Pemohon adalah terdiri daripada peserta Projek Pembangunan Jabatan Pertanian, petani, usahawan, syarikat, jabatan/agensi, persatuan, institusi pengajian tinggi awam/swasta, komuniti dan orang perseorangan (individu).

4.2 Bahan Tanaman

Bahan Tanaman bermaksud daripadanya dapat digunakan untuk menghasilkan sesuatu jenis tanaman. Antara jenis bahan tanaman adalah anak benih, biji benih, keratan, umbisi, rizom, sulur, pokok penanti, mata tunas, debunga, mayang, sion, bunga, bahan tisu kultur, anak pokok dan tumbuhan yang dihasilkan dari apa-apa jenis bahan tanaman yang jangka hayatnya tidak melebihi 12 bulan.

4.3 Harga Jabatan

Harga Jabatan adalah harga yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pertanian seperti cabutan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Bil.1/2015 pada 4 Mac 2015 serta surat edaran Jabatan Pertanian JP.KPP (S) 207 / 3 / 16 / 1 JLD.3 (8) bertarikh 8 April 2015 – Edaran Kadar Baru Caj-caj / Fi Perkhidmatan – Jabatan Pertanian Semenanjung serta keputusan/ arahan/ dasar dari semasa ke semasa.

5. Tanggungjawab

TOP ini dibawah tanggungjawab Pengarah Bahagian Pembangunan Industri Tanaman (BPIT) yang bertanggungjawab menyemak, menilai dan mengesahkan setiap butiran yang terkandung di dalamnya.

Pegawai BPIT akan sentiasa mengemaskini dan menambahbaik TOP ini dari semasa ke semasa bersesuaian dengan keadaan dan keperluan TOP ini.

Pegawai-pegawai yang terlibat akan melaksanakan prosedur Tatacara Operasi Piawai (TOP) Permohonan Pengeluaran dan Pengedaran Bahan Tanaman, Jabatan Pertanian Malaysia seperti yang telah digariskan di dalam TOP ini.

6. Tatacara

Langkah-langkah yang perlu dilaksanakan dalam memproses permohonan Pengeluaran dan Pengedaran Bahan Tanaman, Jabatan Pertanian Malaysia adalah seperti berikut:

- 6.1 Permohonan boleh dibuat melalui:
 - i) Pengarah Bahagian Pembangunan Industri Tanaman (BPIT); atau
 - ii) Pengarah Pertanian Negeri (PPN)


Sekiranya terdapat permohonan melalui Kuasa Usaha (K/U) BPIT Negeri, permohonan tersebut perlu dipanjangkan kepada Pengarah BPIT. Manakala permohonan melalui Pegawai Pertanian Daerah (AOD) perlu dipanjangkan kepada PPN masing-masing.
- 6.2 Pengarah BPIT/PPN menerima permohonan pengeluaran dan pengedaran bahan tanaman daripada pemohon. Bagi permohonan melalui Pengarah BPIT, Pengarah BPIT akan mengeluarkan surat arahan kepada PPN yang berkaitan bagi menjalankan siasatan tapak.
- 6.3 Pihak Jabatan Pertanian Negeri (JPN) akan menjalankan siasatan tapak bersama bahagian teknikal negeri dan mendapatkan ulasan daripada Pegawai Pertanian Daerah.
- 6.4 Pihak JPN akan mengemukakan dokumen permohonan beserta Laporan Teknikal Negeri seperti di **Lampiran A** kepada Pengarah BPIT untuk pertimbangan dan kelulusan. Sekiranya dokumen yang diberikan tidak lengkap, pihak JPN perlu melengkapkan dokumen tersebut dan kembalikan semula kepada BPIT.
- 6.5 Pengarah BPIT akan mengeluarkan surat keputusan permohonan (lulus / gagal) kepada PPN dan pemohon. Sekiranya diluluskan, surat tersebut juga akan diedarkan kepada Kompleks / Pusat Pertanian yang terlibat untuk penyediaan bahan tanaman serta edaran kepada pemohon. Kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada surat kelulusan yang dikeluarkan oleh Pengarah BPIT.
- 6.6 Pengedaran bahan tanaman dilaksanakan secara *Store Issue Voucher* (SIV) atau jualan di Kompleks/Pusat Pertanian Jabatan Pertanian mengikut tatacara aset atau kewangan yang sedang berkuatkuasa.
- 6.7 Kuasa melulus pengedaran bahan tanaman secara SIV adalah di bawah tanggungjawab Pengarah BPIT. Manakala secara Jualan adalah di bawah tanggungjawab Pegawai Pertanian Kuasausaha (K/U) atau Pengarah BPIT dengan kuasa melulus seperti berikut:

Bahan Tanaman	Kuasa Melulus dan Bilangan	
	K/U BPIT	Pengarah BPIT
Anak pokok buah-buahan	maksimum 10 pokok per pemohon	melebihi 10 pokok per pemohon
Anak pokok herba	maksimum 20 pokok per pemohon	melebihi 20 pokok per pemohon
Anak Pokok Kelapa (tidak termasuk kelapa Matag)	maksimum 10 pokok per pemohon	melebihi 10 pokok per pemohon
Anak pokok kopi	maksimum 10 pokok per pemohon	melebihi 10 pokok per pemohon
Biji benih	berat benih kurang 100g	Melebihi berat benih lebih 100g
Umbisi / rizom	berat benih kurang 500g	Melebihi berat benih lebih 500g
Beg benih cendawan	maksimum 50 beg per pemohon	melebihi 50 beg per pemohon
Bunga-Bungaan	maksimum 10 pasu per pemohon	melebihi 10 pasu per pemohon


Jadual 1 : Kuasa Melulus oleh K/U BPIT dan Pengarah BPIT Bagi Pengedaran Bahan Tanaman

- 6.8 Semua bahan tanaman yang telah sedia untuk diedar perlu diambil oleh pemohon dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat kelulusan. Jika tidak diambil, kelulusan permohonan tersebut terbatalkan secara automatik.
- 6.9 Semua aktiviti Pengeluaran dan Pengedaran Bahan Tanaman perlu mengikut Tatacara Pengurusan Aset Hidup Tumbuhan serta keputusan/arahan/dasar dari semasa ke semasa.

CARTA ALIR PERMOHONAN PENGETAHUAN DAN PENGEDARAN BAHAN TANAMAN MELALUI PENGARAH BAHAGIAN PEMBANGUNAN INDUSTRI TANAMAN, PUTRAJAYA



CARTA ALIR PERMOHONAN PENGELOUARAN DAN PENGEDARAN BAHAN TANAMAN MELALUI PENGARAH PERTANIAN NEGERI



7. Borang-borang

- 7.1) Borang Permohonan Bahan Tanaman daripada Jabatan Pertanian Malaysia (*Borang 1*).
- 7.2) Borang Laporan Siasatan dan Pengesyoran Kelulusan Permohonan Bahan Tanaman (*Borang 2*).

8. Rujukan

- 8.1) Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Tatacara Pengurusan Aset Hidup Tumbuhan (TPT) AM 5.
- 8.2) Surat Edaran Kadar Baru Caj-caj / Fi Perkhidmatan – Jabatan Pertanian Semenanjung 2015.
- 8.3) Garis Panduan Pembangunan Pertanian di Tanah Bercerun.
- 8.4) Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
- 8.5) *Handbook Seksyen Penyiasatan dan Penilaian Tanah*.
- 8.6) Wong FT.(1986) *Soil-Crop Suitability Classification for Peninsular Malaysia, Department of Agriculture*.

9. Lampiran



- 9.1) Senarai Dokumen Permohonan Pengeluaran dan Pengedaran Bahan Tanaman (Lampiran A).

10. Pematuhan

Kegagalan pegawai untuk mematuhi TOP Permohonan Pengeluaran dan Pengedaran Bahan Tanaman Jabatan Pertanian Malaysia boleh dikenakan Tindakan Tatatertib di Bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

11. Tarikh Kuatkuasa

TOP ini berkuatkuasa pada 25 Oktober 2022

	Disediakan Oleh	Disemak Oleh	Disahkan Oleh
Tandatangan			
Nama	ROKIAH BINTI DAUD	MOHD ZAHIR BIN DAHALAN	CHRISTOPHER JOHN BIAI
Jawatan	Ketua Unit Pembangunan Pusat Teknotani	Ketua Seksyen Buah-Buahan	Pengarah Bahagian Pembangunan Industri Tanaman
Tarikh	21 Oktober 2022	21 Oktober 2022	21 Oktober 2022

Lampiran A

SENARAI DOKUMEN PERMOHONAN PENGETUARAN DAN PENGEDARAN BAHAN TANAMAN

1. Surat / Borang Permohonan Pengeluaran Bahan Tanaman oleh pemohon (*Borang 1*).
2. Salinan Kad Pengenalan Pemohon.
3. Salinan geran tanah yang mengandungi maklumat nombor lot tanah beserta keluasan. Geran tanah berkategori Tanah Bangunan adalah tidak dibenarkan memohon.
4. Surat perjanjian/pajakan tanah sewa bagi tanaman jangkamasa pendek melebihi 3 tahun dan tanaman jangka panjang melebihi 20 tahun.
5. Laporan Kesesuaian Tanah-Tanaman (daripada Bahagian Pengurusan Sumber Tanah) yang dimohon oleh PPN.
6. Laporan Siasatan dan Pengesyoran Kelulusan Pengeluaran dan Pengedaran Bahan Tanaman (*Borang 2*).



BORANG PERMOHONAN BAHAN TANAMAN DARIPADA JABATAN PERTANIAN MALAYSIA

A. MAKLUMAT PEMOHON

Nama Pemohon : _____

Alamat Surat Menyurat : _____

Nombor Telefon Bimbit : _____

B. MAKLUMAT PERMOHONAN BAHAN TANAMAN

Bahan tanaman yang dimohon : Sila Nyatakan : _____

Varieti bahan tanaman yang dimohon : Sila Nyatakan : _____

Kuantiti yang dimohon : Sila Nyatakan : _____

(bilangan anak pokok / bahan tanaman)

Jenis Permohonan : () Bantuan (*Store Issue Voucher /SIV*)

() Pembelian

() Lain-lain. Sila Nyatakan : _____



LAPORAN SIASATAN DAN PENGESYORAN KELULUSAN PERMOHONAN BAHAN TANAMAN

A. MAKLUMAT PEMOHON

Nama Pemohon : _____

Alamat Surat Menyurat : _____

Alamat Projek : _____

No Lot Tanah : _____

Status Tanah : _____

Syarat Tanah : _____

Keluasan Fizikal (ha) : _____

Keluasan Bertanam (ha) : _____

Nota : Mohon pemohon mengepalkan dokumen seperti di Lampiran A sebagai rujukan pihak kami

B. LAPORAN SIASATAN TANAH

Tandakan di ruangan yang berkaitan

Tarikh Siasatan : _____

Jenis Permohonan : () Bantuan (*Store Issue Voucher /SIV*)
() Pembelian
() Lain-lain. Sila Nyatakan : _____

Varieti bahan tanaman yang dimohon:

Contoh kelapa : () Pandan
() Matag
() Malayan Yellow Dwarf (MYD)
() Malayan Red Dwarf (MRD)
() Taganan
() Lain-lain. Sila Nyatakan : _____

Kuantiti yang dimohon : _____
(anak pokok / bahan tanaman)

- Status kawasan projek:
- () Telah dibersihkan
() Belum dibersihkan
() Ditanam dengan tanaman lain.

Sila Nyatakan : _____

Ulasan Pasukan Teknikal (*sertakan gambar*) : _____

Kuantiti yang diluluskan :
(anak pokok)

Nama Pegawai Pemeriksa :

Tarikh :

C. KEPUTUSAN
Permohonan adalah **DISOKONG / TIDAK DISOKONG**

Ulasan Pegawai Pertanian :

Tandatangan & Cop :

Tarikh :

Sila kembalikan Laporan ini kepada

*Urusetia Pengeluaran Bahan Tanaman
Bahagian Pembangunan Industri Tanaman
Aras 10 & 12, Wisma Tani
Jabatan Pertanian
No 30, Persiaran Perdana,
62624 Putrajaya
(Faks : 03-8888 8319 / 03-8888 9295)*